

31 AUG 1997

PERBARISAN HARI KEBANGSAAN DI DATARAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, barisan pemimpin negara bersama ribuan penonton menyaksikan perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-40 di Dataran Merdeka di sini.

Sambutan bermula dengan persembahan tarian berirama oleh kanak-kanak sekolah pada pukul 8 pagi sebelum perbarisan bermula setengah jam kemudian.

Perbarisan bermula sebaik sahaja Tuanku Ja'afar selesai memeriksa barisan kehormat oleh Batalion Pertama Rejimen Melayu Askar Diraja.

Perarakan membawa bendera kebangsaan, "Jalur Gemilang" mendahului kumpulan-kumpulan berpakaian seragam terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan kumpulan-kumpulan pancaragam.

Sambutan yang sama turut diadakan di negeri-negeri di seluruh negara.

-- Bernama

MOK